

15/08/1997

Jimat belanja kawal ringgit

KUALA LUMPUR, Khamis - Orang ramai dinasihatkan membeli barangan keluaran tempatan di samping mengurangkan perbelanjaan serta melancong ke luar negara ketika ringgit mengalami kejatuhan.

Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Mier) Dr Mohamed Ariff, berkata kesan kejatuhan nilai ringgit boleh diminimumkan jika pengguna pandai memilih barangan tempatan yang tidak terjejas dengan kenaikan nilai dolar Amerika Syarikat berbanding ringgit Malaysia.

"Kesan kejatuhan ringgit sebenarnya banyak bergantung kepada pengguna. Jadi adalah lebih baik jika orang ramai membeli barangan tempatan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Mengulas cadangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahukan pengenaan cukai terhadap spekulator sebagai salah satu cara mengawal kegiatan spekulasi terhadap ringgit Malaysia, beliau berkata secara praktiknya perkara itu sukar dilaksanakan.

Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna (Fomca) Prof Hamdan Adnan juga menasihatkan orang ramai supaya banyak membeli barangan keperluan keluaran tempatan pada masa sekarang.

"Kita juga seharusnya mengeluarkan makanan sendiri, terutama makanan dalam tin kerana sesetengah barangan makanan seperti buah laici yang ditinkan boleh dikeluarkan oleh pengeluar tempatan," kata beliau.

Beliau berkata kempen Inflasi Sifar juga patut diperkemaskan lagi supaya orang ramai dapat berbelanja dengan lebih bijak.

Dekan Fakulti Ekonomi Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Dr Mohd Azmi Omar berkata kejatuhan nilai Ringgit disebabkan dua faktor iaitu aktiviti spekulasi dan kuasa pasaran sehingga menyebabkan nilai import menjadi semakin tinggi.

Bagaimanapun beliau berpendapat keadaan sekarang memberikan satu kelebihan kepada negara dari segi eksport iaitu kejatuhan nilai ringgit akan menyebabkan barangan tempatan menjadi murah ketika dipasarkan.

Sementara itu, beberapa agensi pelancongan yang dihubungi juga berpendapat bahawa kegiatan melancong dalam negeri dapat membantu mengawal penurunan nilai ringgit.

Seorang pegawai pemasaran yang enggan namanya disiarkan berkata kenaikan nilai dolar akan menyebabkan kadar pakej percutian luar negara menjadi mahal. - Bernama

(END)